

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

'Terapkan sikap bekerja keras'

SUNGAI PETANI, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan tidak ada formula lain untuk meningkatkan taraf ekonomi negara selain dari menerapkan sikap dan semangat bekerja keras di kalangan rakyat, khususnya kepada pekerja sektor perindustrian.

Katanya, teknologi boleh dibeli, tetapi tanpa sikap tekun dan semangat yang tinggi untuk bekerja kuat, apa pun tidak boleh dilakukan.

Perdana Menteri berkata demikian ketika merasmikan kilang Pernas-NEC di Tikam Batu dekat sini petang ini.

Turut hadir di majlis itu ialah Datin Seri Dr

Siti Hasmah, Menteri Besar, Datuk Seri Syed Nahr Shahabuddin, dan Menteri Tenaga, Pos dan Telekom, Datuk Leo Moggie.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, jika penerapan sikap itu berjaya dilaksanakan Malaysia mungkin boleh menguasai bidang teknologi berat dalam masa yang singkat.

"Jika Syarikat NEC Jepun yang ditubuhkan sejak 84 tahun lalu mengambil masa begitu lama untuk maju dan menguasai teknologi yang dulunya dimiliki oleh masyarakat Eropah atau Amerika, Malaysia mungkin boleh mencapai kejayaan yang sama dalam masa lebih singkat sekiranya rakyat bekerja kuat, penuh dedikasi, bersemangat tinggi serta berdisiplin," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir yang baru pulang dari lawatan ke Jepun berkata rakyat negara itu mengamalkan nilai kemajuan yang tinggi di samping tidak melalakan kesihatan mereka.

Katanya: "Di sebuah kilang di Jepun, saya lihat para pekerjaannya membuat senaman selepas makan tengah hari demi untuk menjaga kesihatan."

Pegangan

"Bagi mereka", katanya, "konsep roboh kilang, robohlah kita," sentiasa menjadik pegangan dalam menjalankan tugas sehari-hari.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Jika Jepun tidak mengambil langkah pertama membina kilang NEC kira-kira 84 tahun lalu, mereka mungkin terpaksa membeli peralatan elek-

tronik terus menerus dari barat atau Amerika.

"Langkah pertama inilah yang kini diambil oleh Malaysia dengan menubuhkan kilang Pernas-NEC di Tikam Batu," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, jika Malaysia tidak mencontohi langkah pertama dari Jepun itu, kita sudah tentu akan terus mundur, dan terus merasa rendah diri.

Bellau menambah, jika kita tidak mengambil sikap yang maju tetapi terus bergantung kepada negara asing, "adalah tidak guna kita bercakap mengenai kemerdekaan yang kita capai 25 tahun lalu."

Perdana Menteri berharap rakyat sanggup "menderita sedikit sekarang demi untuk mencapai kebahagiaan di hari depan.